

**KAJIAN TEMPAT LETAK KERETA YANG BERSESUAIAN DENGAN  
KONSEP KAMPUS SELAMAT  
KAJIAN KES : UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)  
SERI ISKANDAR.**

Oleh  
**HAFIZAH BINTI ABD AZIZ  
ZAMILA BINTI ZAMRI**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA( PERAK )  
SERI ISKANDAR**

**APRIL 2011**

## PENGHARGAAN

*DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENJAYANG*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, kami telah dapat menyiapkan Kajian Akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada En. Idrus Abd. Shukor selaku penyelia kajian ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan di dalam proses kajian ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pensyarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, pegawai dan kakitangan Universiti Teknologi MARA (Perak) serta lain-lain individu yang telah banyak membantu di dalam menjayakan kajian ini.

Kami juga merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga kami terutama ibu dan ayah kerana berkat doa dan dorongan mereka serta telah banyak meniupkan semangat dan inspirasi sehingga terhasilnya kajian akhir ini.

*WASSALAMUALAIKUM WBT*

## ABSTRAK

Kepesatan pembangunan di negara ini telah menyebabkan pemilikan dan penggunaan kereta persendirian di Malaysia telah meningkat dengan mendadak. Kesan secara langsung dengan peningkatan bilangan kereta ialah permintaan yang tinggi terhadap ruang tempat letak kereta, terutamanya di kawasan bandar. Kemudahan tempat letak kereta didefinisikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sebagai 'Ruang yang disediakan secara terancang sebagai tempat untuk meletak kereta ataupun kenderaan-kenderaan lain.' Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tempat letak kereta yang bersesuaian dengan konsep Kampus Selamat di dalam UiTM (Perak). Kajian ini dijalankan melalui dua kaedah iaitu kaedah pengamatan dan juga kaedah kajiselidik. Kaedah pengamatan dijalankan oleh pengkaji semasa di tapak kajian. Pengkaji melihat kepada lokasi, keadaan, jenis serta jumlah tempat letak kereta yang disediakan. Selain itu, pengkaji juga menjalankan kajian Kiraan Kumulatif di mana pengkaji perlu mengira bilangan kereta yang keluar masuk kawasan tempat letak kereta pada satu-satu masa yang telah ditetapkan. Kaedah kajiselidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kajiselidik pelajar dan kajiselidik kakitangan. Kajiselidik pelajar telah dijalankan kepada 80 orang sampel pelajar daripada 800 orang pelajar UiTM (Perak) yang membawa kereta ke UiTM (Perak). Selain itu, 19 sampel kakitangan juga dipilih untuk menjalankan kajiselidik ini. Jumlah ini mewakili 10 peratus daripada jumlah kakitangan dan pelajar UiTM (Perak) yang membawa kereta ke dalam UiTM (Perak). Penemuan kajian mendapati jumlah kereta berdaftar melebihi jumlah ruang tempat letak kereta yang disediakan di dalam UiTM Perak. Jumlah kereta berdaftar adalah sebanyak 1198 buah sementara ruang tempat letak kereta yang disediakan adalah 1166 ruang tempat letak kereta. Mengikut kepada garis panduan, bilangan ruang tempat letak kereta yang perlu disediakan adalah sebanyak 1464 ruang tempat letak kereta. Ini menunjukkan ruang tempat letak kereta yang disediakan di dalam UiTM Perak kurang sebanyak 298 ruang tempat letak kereta. Mengikut kepada kajiselidik pula, jumlah menyatakan sederhana setuju dengan kecukupan ruang tempat letak kereta. Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, hanya terdapat 717 ruang tempat letak kereta yang digunakan. Selainnya, pemilik kereta lebih gemar meletakkan kereta di pinggir – pinggir jalan yang berhampiran dengan bangunan akademik / destinasi tujuan. Isu yang dikenalpasti ialah tempat letak kereta UiTM Perak masih kurang jika dilihat berdasarkan garis panduan, kekurangan laluan pejalan kaki berbumbung, kekurangan lanskap di kawasan tempat letak kereta, peningkatan jumlah kereta yang dibawa oleh pelajar dari masa ke semasa serta penetapan dasar tempat letak kereta yang telah dikeluarkan oleh UiTM Perak.

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKAT NAMA</b>	<b>x</b>

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB 1.0 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Matlamat	2
1.4 Objektif	3
1.5 Skop Kajian	3
1.6 Metodologi	4
1.6.1 Peringkat I (Kajian Awalan dan Pembentukan Kajian)	5
1.6.2 Peringkat II (Kajian Teoritikal)	5
1.6.3 Peringkat III (Pengumpulan Maklumat)	6
1.6.4 Peringkat IV (Analisis Maklumat dan Penemuan Analisis)	7
1.6.5 Peringkat V (Cadangan dan Kesimpulan)	8
<b>BAB 2.0 KAJIAN TEORITIKAL</b>	<b>9</b>
2.1 Pengenalan	9
2.2 Definisi Tempat Letak Kereta	10
2.3 Teori dan Konsep Kajian Tempat Letak Kereta	12
2.4 Jenis – Jenis Tempat Letak Kereta	12
2.5 Permintaan dan Penawaran Tempat Letak Kereta	17
2.6 Konsep Bandar Selamat	22
2.6.1 Definisi	22
2.6.2 Strategi Bandar Selamat	22
2.6.3 Rekabentuk Fizikal Bandar Selamat	22
2.7 Piawaian Tempat Letak Kereta	23
2.7.1 Prinsip Perancangan	24
2.7.2 Garis Panduan Khusus Tempat Letak Kereta Institusi Pengajian Tinggi	25
2.8 Garis Panduan Penyediaan Tempat Letak Basikal	25
2.9 Lanskap Kampus	27
2.9.1 Elemen Peneduhan Semulajadi yang Dipinggirkan	29

## **BAB 1.0**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Permintaan kepada ruang letak kereta yang semakin meningkat di kawasan institusi pengajian tinggi adalah disebabkan banyak faktor antaranya termasuklah pertambahan jumlah pemilikan kereta persendirian di kalangan pelajar dan kakitangan UiTM Perak, perkhidmatan bas UiTM Perak yang kurang memuaskan dan pertambahan pelajar dari masa ke semasa.

Akibat dari keadaan di atas kebanyakan institusi pengajian tinggi awam telah dibanjiri dengan kereta persendirian sehingga menimbulkan keadaan persekitaran yang kurang selesa kepada persekitaran UiTM Perak dan keadaan kurang selamat kepada pejalan kaki. Keadaan ini telah menjadi satu masalah yang tidak mudah untuk diselesaikan memandangkan pembangunan ruang lantai secara berterusan dan besar-besaran terutama di kawasan bangunan pengajian memberikan tekanan yang tinggi kepada keperluan tempat letak kereta.